



SIARAN MEDIA

MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA SESI KE-46 “Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan?”

KUALA LUMPUR : 14 September 2021 – YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia hari ini merasmikan **Majlis Polemik Sejarah Malaysia (MPSM) Sesi Ke-46** yang dianjurkan oleh Arkib Negara Malaysia (ANM) dengan temanya “**Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan?**”. Tema ini akan mengupas tentang Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan merangkumi hasil kajian dalam persektif sejarah Negara oleh pakar sejarahwan dan ahli akademik yang terlibat. Topik ini sememangnya masih menjadi isu samada dari segi konsep dan takrifannya. Pembentangan dan perkongsian maklumat oleh pakar-pakar dalam bidang sejarah negara ini diharapkan dapat menyalur dan memperjelaskan tentang takrifan hari kemerdekaan atau hari kebangsaan yang sebenarnya.

Majlis Polemik Sejarah Malaysia (MPSM) merupakan satu bentuk forum perbincangan diadakan di antara ahli-ahli sejarah tentang pengkajian, penemuan dan penulisan mereka berkaitan dengan sesuatu tajuk tertentu. Pada sesi kali ini, tiga (3) kertas kerja bertemakan “Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan?” akan dibentangkan oleh ahli akademik dan pakar sejarah. Majlis ini diadakan secara dalam talian melalui platform webinar selaras dengan SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Dengan cara ini orang ramai yang berminat dapat bersama-sama mengikuti majlis ini secara dalam talian. Tokoh sejarah yang dibawa untuk membentangkan kertas kerja ini merupakan pakar dalam bidang masing-masing yang berupaya membahaskan tajuk ini secara intelektual. Tokoh sejarah tersebut terdiri

daripada YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali, Universiti Malaya (UM); YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Bin Samsudin, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); dan YBrs. Dr. Suffian bin Mansor dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). MPSM ini dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Mohd Azmir bin Mohd Nizah dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Hasil kupasan dalam sesi polemik pada kali ini diharapkan menyedarkan orang ramai tentang pentingnya pengetahuan sejarah negara yang tepat dan betul. Di pentas seperti ini juga memberi peluang tokoh sejarah membincangkan dan mengemukakan pengkajian-pengkajian dan penemuan-penemuan sejarah Malaysia yang baharu serta melengkapkan maklumat dan bahan-bahan sejarah untuk kepentingan sejarah negara. Namun apa yang penting menggalakkan masyarakat menggunakan bahan-bahan asal terutamanya bahan-bahan Arkib, yang mengandungi fakta-fakta sejarah dalam kajian dan penyelidikan.

Sebagai imbasan sejarah, penganjuran Majlis Polemik Sejarah Malaysia (MPSM) Arkib Negara Malaysia telah berjaya menganjurkan sebanyak 45 sesi dan 127 pembentangan kertas kerja sejak daripada tahun 1994 sehingga kini. Fasa pertama melibatkan tema-tema yang menyentuh tentang Zaman Pra-Sejarah, Zaman Pra-Melaka, Zaman Kesultanan Melayu Melaka, Zaman Pra-Kesultanan Johor – Riau dan Zaman Kesultanan Johor – Riau, Sejarah Kedah dari awal hingga abad ke-20 dan Petempatan dan Kerajaan Awal Malaysia Sebelum 1400. Pelbagai aspek telah dibincang bagi setiap zaman tersebut meliputi pengasasan kerajaan, politik, pemerintahan, perdagangan, sosio-budaya, agama, bahasa, petempatan, sistem penggantian, sumber ekonomi, perundangan, adat-istiadat dan lain-lain lagi. Melalui hasil kajian dan perbincangan yang diadakan, gambaran lebih tepat mengenai fakta sejarah negara dapat dilihat, dikongsi dan dinilai bersama.

Bermula pada tahun 2017, MPSM telah memasuki fasa kedua bertemakan "Negara Bangsa". Tema yang disentuh melibatkan isu-isu semasa yang masih lagi diperdebat dan menjadi pertikaian dalam masyarakat pada hari ini. Antara tema-tema yang diperbincangkan dalam sesi MPSM bagi fasa kedua ini ialah Kemerdekaan dan Pembentukan Malaysia, Perlembagaan, Sejarah Undang-Undang Tubuh Negeri, Persempadanan Negeri, Kesultanan Melayu, Institusi Diraja dan Penghayatan Rukun Negara.

Adalah diharapkan agar Majlis Polemik Sejarah Malaysia (MPSM) Sesi Ke-46 dengan temanya "Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan?" ini dapat menyalurkan maklumat/penemuan baru kepada masyarakat di samping mengumpul pandangan dan saranan masyarakat terhadap topik ini. Diharapkan juga agar program ini dapat memberi input dan maklumat yang berfaedah bagi mendapatkan hasil kajian yang benar-benar berkualiti dan dapat digunakan bagi tujuan penyelidikan dan rujukan semua pihak sama ada dari dalam mahu pun luar negara.

ARKIB NEGARA MALAYSIA

14 SEPTEMBER 2021

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: -
Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi
Arkib Negara Malaysia, Jalan Tuanku Abdul Halim
50568 Kuala Lumpur
Tel: 03-6209 0671/0672/0673/0674
Faks: 03-6201 5679
Emel: pro@arkib.gov.my